

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!





J. Solomon

# NUBE gesa percepat suntikan vaksin petugas bank

Oleh IZZATUL 'AIN AZMAN   11 Jun 2021, 4:43 pm

PETALING JAYA – Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) menggesa kerajaan mempercepatkan suntikan vaksin kepada kakitangan sektor perbankan kerana mereka merupakan antara petugas barisan hadapan.

Setiausaha Agung NUBE, J Solomon berkata, mereka terkilan kerana sehingga kini pekerja perkhidmatan perbankan masih belum mendapatkan suntikan vaksin walaupun permohonan telah dikemukakan sejak Mac lalu.

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

“Persatuan Bank-Bank Komersial Malaysia telah menulis surat kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan pihak kami telah dimaklumkan tentang persetujuan MOSTI untuk memberi pertimbangan terhadap permintaan kami.

“Pihak kami juga telah menulis surat pada Mei lalu dan kami dimaklumkan bahawa permintaan tersebut sudah dimaklumkan kepada Pasukan Petugas Imunisasi Covid-19 dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Bagaimanapun, sehingga kini tiada maklum balas daripada kementerian tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, pihaknya sentiasa menghargai inisiatif yang dilakukan kerajaan dalam mengendalikan program vaksinasi dan mencapai sasaran imuniti kelompok.

"Sekali lagi kami menegaskan bahawa pihak kami bersedia untuk memberikan kerjasama dan sokongan ke atas program vaksinasi yang sedang dijalankan kerajaan," ujarnya. – K! ONLINE.


## BERITA SELANJUTNYA

by



**13.7 juta penduduk Indonesia telah divaksin**



**BCL berbikini, netizen mohon kasihankan…**



**'Kalau setiap negeri buat macam Selangor,…**




**Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin**



**Sasar 3.5 juta warga emas suntik vaksin**



**Sudah-sudahlah Neelofa – Netizen**



**Tiga pelacur layan dua lelaki setiap hari**



**Penerima vaksin Covid-19 warga emas P.…**



**Dua lelaki buang mayat pesakit Covid-19 ke…**







Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

POPULAR



Penangan pes tomyam Thailand

14 Jun 2021, 9:30 am



Godaan berbelanja online hantui pembeli

14 Jun 2021, 9:17 am



Andai kata frontliners rebah, apa nasib kita?

14 Jun 2021, 9:10 am



Lelaki selamat selepas ditelan paus

14 Jun 2021, 9:00 am

BERITA BERKAITAN



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU

### Lelaki selamat selepas ditelan paus

14 Jun 2021, 9:00 am




### Oranje raih kemenangan dramatik, Ukraine berputih mata

14 Jun 2021, 5:22 am




### Austria bergaya benam pendatang baharu Macedonia Utara

14 Jun 2021, 2:11 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

SETUJU



**England berjaya tumbangkan Croatia di Wembley**

13 Jun 2021, 11:23 pm






Kosmo!

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.